

TERHAD

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 **KUALA LUMPUR**



PENGIKTIRAFAN
MS ISO 9001:2018

Tel : 03-20714587
Faks : 03-26940688

9 Apr 21

BPA-KAGAT(MAS)100-1/9/3

Lihat Agihan

TEKS KHUTBAH JUMAAT KHAS SEMPENA HARI KAGAT KE 36

1. Adalah dimaklumkan bahawa sempena Hari KAGAT ke-36 yang bakal disambut pada 16 Apr 21 (Jumaat) bersamaan 4 Ramadan 1442H, Jab Arah KAGAT telah mengeluarkan Teks Khutbah Jumaat Khas bertajuk “Daie Askari: Penjana Kecemerlangan Kerohanian” untuk dibaca di semua Masjid dan Surau Jumaat ATM seluruh Malaysia.
2. Justeru bersama-sama ini dimajukan Teks Khutbah Khas Hari KAGAT ke-36 dan slaid khutbah tersebut boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi KAGAT di link berikut: <https://army.mod.gov.my/kagat/index.php/ms/muat-turun/khutbah/khutbah-terkini>.
3. Dimajukan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

AB JABAR BIN MOHAMAD ARIS

Kol
bp Ketua Pengarah

Agihan

Luar :

Tindakan :

MATM - Sekretariat
(Untuk Perhatian : PS 2 Agama)

MK TD - Sekretariat
(Untuk Perhatian : Pengarah Agama)



PENGIKTIRAFAN to MS ISO 9001:2018 Cert. No. : QMS 01703

TERHAD

MTL - Bahagian Pentadbiran
(Untuk Perhatian : Pengarah Bahagian Agama Islam TLDM)

MTU - Cawangan Perkhidmatan
(Untuk Perhatian :Pengarah Agama MTU)

MK AB - J1
(Untuk Perhatian: PS 1 Khidmat Agama)

Dalam :

Tindakan :

Kem KEMENTAH
(Untuk Perhatian: Pegawai Agama)

Maklumat :

Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pembangunan Insan



**KHUTBAH JUMAAT KHAS HARI KAGAT KE 36:
“DAEI ASKARI PENJANA KECEMERLANGAN KEROHANIAN”**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذَلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ
وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Sidang Jumaat yang dimuliakan

Mengambil kesempatan hari Jumaat yang pertama di bulan Ramadan 1442H mari lah kita menanamkan azam dan membulatkan tekad untuk menambah tahap ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala tuntutanNya dan meninggalkan segala tegahanNya. Semoga dengan mujahadah berterusan melayakkan kita untuk memperolehi kesejahteraan di dunia dan keampunan di hari akhirat kelak.

Bersempena dengan Hari KAGAT ke-36 yang disambut pada tanggal 16 Apr setiap tahun khatib mengajak sidang jemaah untuk sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk “Daei Askari Penjana Kecemerlangan Kerohanian”.

Sidang Jumaat yang dihormati

Bulan Ramadan adalah bulan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada umat Nabi Muhammad SAW bertujuan untuk menyemarakkan kerohanian dan ibadah kepada Rabbul Jalil. Bulan ini perlu diambil kesempatan sepenuhnya oleh seluruh umat Islam untuk berusaha meningkat keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Peluang untuk beribadah di bulan ini wajar dilakukan dengan bersungguh-sungguh samada ibadat fardu mahupun sunat. Amalan berpuasa yang diikuti ibadat sunat yang lain seperti bacaan al-Quran dan iktikaf dapat meningkatkan lagi kualiti diri dan mujahadah nafsi. Sebagaimana yang termaktub dalam tinta sejarah Islam bahawasanya sirah baginda Rasul SAW amat sinonim dengan ujian sewaktu kehadiran bulan Ramadan.

Perang yang pertama yang tercatat dalam sejarah ketamadunan Islam adalah Perang Badar yang berlaku pada 17 Ramadan tahun ke-2 hijrah di lokasi bahagian barat Semenanjung Arab yang kini dikenali dengan Arab Saudi. Ia merupakan pertempuran penting dalam zaman awal Islam dan merupakan titik perubahan strategi perjuangan Rasulullah SAW dengan pihak musuh kaum Quraisy di Kota Mekah. Pertempuran ini dicatat dengan tinta emas dan diingat sepanjang zaman sebagai kemenangan ulung yang menambahkan keyakinan kaum Muslimin terhadap pertolongan Allah SWT dalam menentukan survival panji-panji Kalimah Tauhid terus berkibar di seluruh pelusuk dunia. Berkat kemenangan tentera bersama Rasulullah SAW kita dapat menikmati kemanisan beriman kepada Allah SWT dan menafikan segala bentuk sembah selain dari Yang Maha Esa. Para sahabat meriwayatkan sepanjang perang tercatat antara kedua ketumbukan tersebut Rasulullah SAW selaku Panglima Perang sentiasa bermunajat menadah tangan ke langit memohon kepada Allah SWT agar ketumbukan di bawah pengawasan Baginda seramai 313 pejuang beroleh kemenangan. Hal ini berdasarkan misi kebenaran yang didokong oleh tentera kaum Muslimin serta unsur kebatilan yang menjadi asas perjuangan pihak musuh. Kemenangan kaum muslimin amat penting dalam meneruskan agenda dakwah sekali gus memberi impak yang besar dari segi geopolitik pada masa itu. Kemenangan ini secara tidak langsung memberikan sinar harapan yang cerah kepada perkembangan dakwah Rasulullah SAW dan para sahabat di Semenanjung Tanah Arab.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian.

Pencapaian cemerlang tentera Muslimin dalam perang tersebut ketika berhadapan dengan ketumbukkan tentera Musyriin yang berganda besar kekuatannya mengundang pelbagai telahan dan perbahasan. Yang nyata faktor kemenangan tentera Muslimin bertitik tolak dari tahap keyakinan mereka yang tinggi terhadap pertolongan Allah SWT setelah mereka telah melaksanakan segala tuntutan kefarduan yang ditaklifkan kepada mereka. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 160 yang dibacakan pada permulaan khutbah yang bermaksud : *“Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu, dan jika ia mengecewakan kamu maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah menetapkan yang demikian itu”*.

Peristiwa perang Badar tidak dinafikan memberi inspirasi bernilai yang tiada tolok bandingnya kepada kaum Muslimin. Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor semangat, moral dan keimanan kepada pertolongan Allah SWT dengan kemenangan dalam setiap peperangan yang disertai. Bulan Ramadan yang secara

lumrahnya menyebabkan seluruh kekuatan fizikal menjadi lemah dan lesu namun berpaksikan iman yang teguh menyebabkan tentera yang kecil jumlahnya berjaya mencapai kemenangan. Sebaliknya longgarnya pergantungan kepada Allah SWT adalah faktor utama yang membuatkan tentera Muslimin menempa kegagalan sebagaimana ibrah dari peperangan Hunain. Peperangan Hunain yang berlaku pada tahun ke-8 hijrah selepas perjanjian Hudaibiyah memberikan pengajaran yang bermakna kepada tentera muslimin bahawa pergantungan kepada kekuatan fizikal dan persenjataan semata-mata untuk mencapai kemenangan ada satu percaturan yang silap. Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 25:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ
عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ

Yang Bermaksud:

“Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai, maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikit pun. Dan semasa kamu merasa bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu, kemudian kamu berpaling undur melarikan diri”.

Saudara Sidang Jumaat Sekelian

Bertitik tolak dari kesungguhan untuk menentukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus dijamin untuk mendapat pertolongan dari Allah SWT dalam segenap dimensi kehidupan warga ATM maka Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) bekerja keras menggembeling sepenuh tenaga, fikiran dan usaha ke arah meningkatkan tahap kesiagaan kerohanian warga ATM. Malah Pelan Strategik KAGAT mulai tahun 2021-2025 telah menggariskan matlamat untuk menjadi Penjana Kecemerlangan Pembangunan Kerohanian Modal Insan ATM. Hanya melalui peningkatan tahap kesiagaan aspek kerohanian akan menggamit pertolongan Allah SWT disamping ianya secara tidak langsung bertindak sebagai wasilah terbaik untuk membantu anggota ATM disegenap lapisan menikmati hidup dengan lebih sempurna dan diredhai. Aktiviti kerohanian untuk anggota tentera yang dilaksanakan secara berterusan di pasukan dan formasi adalah bertujuan membina keteguhan benteng pertahanan dalaman yang ampuh serta mempertingkatkan pegangan akidah yang utuh selari dengan doktrin Pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Fussilat ayat 30:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ
الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: “Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka tetap teguh atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari masa ke semasa (dengan memberi ilham): ‘Janganlah kamu bimbang dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan jangan kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang dijanjikan kepada kamu”.

Saudara Sidang Jumaat Sekelian

Ramadan kali ini kerajaan telah memberi kelonggaran kepada para jemaah untuk mengimarahkan masjid dan surau dengan mengamalkan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Berkuasa Agama Negeri. Setiap Masjid dan Surau Pasukan perlu menyusun perancangan rapi melalui aktiviti solat fardhu berjemaah, solat tarawih, program tadarus al-Quran, kuliah dan tazkirah agar matlamat utama kedatangan bulan Ramadan akan tercapai. Suasana kemeriahan melaksanakan ibadah dapat membimbing jiwa warga ATM untuk menghargai nikmat iman dan akidah yang sahih. Kegagalan menanam konsep akidah yang sahih dalam diri setiap anggota akan mendedahkan mereka dengan fahaman yang menyeleweng malah berakhir dengan cenderung untuk melakukan tindakan melampau. Keamanan dan kestabilan yang dikecapi di negara Malaysia yang bertuah ini perlu dipertahankan dengan menanam kefahaman yang tepat kepada anggota tentera yang bertindak sebagai barisan pertahanan utama kepada kemakmuran negara. Dengan keberkatan Ramadan diyakini bahawa objektif strategik KAGAT untuk memperkukuhkan jati diri warga ATM dengan ilmu, amal dan taqwa akan tercapai. Seluruh anggota perlu bersedia untuk turut sama dalam setiap program pemantapan kerohanian yang dirancang melalui pelbagai strategi inisiatif yang dilihat bersesuaian untuk dilaksanakan. Semangat untuk memperbaiki diri khususnya dalam aspek keagamaan adalah nilai yang penting mendorong anggota untuk memperbaiki diri dalam hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah SWT.

Saudara Sidang Jumaat Sekelian

Peranan memberi pedoman dan panduan kepada warga tentera dalam aspek kerohanian adalah tugas mulia dan memerlukan pengobanan yang tinggi. Penugasan mulia ini perlu disertai dengan sifat amanah, ikhlas dan penuh dedikasi. Penugasan

untuk membantu anggota memiliki akhlak dan ilmu serta kemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba tidaklah mudah seperti yang disangkakan. Dalam sirah nabawi mencatatkan peranan petugas di kalangan sahabat yang tidak menyertai siri pembukaan atau peperangan disebabkan ada sebahagian sahabat ditugaskan menuntut ilmu Islam untuk disebarkan di kalangan anggota yang pergi melaksanakan tugas penaklukan, seterusnya menyampaikan ilmu sekembalinya anggota tentera dari medan perang sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 122:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Yang Bermaksud:

“Dan tidaklah betul orang-orang yang beriman keluar semuanya pergi berperang , oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka supaya orang-orang yang tinggal itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya yang keluar berjuang apabila orang-orang itu kembali kepada mereka. Mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga dari melakukan larangan Allah SWT”.

Sesungguhnya kekuatan ATM adalah tertakluk kepada kesiagaannya yang merangkumi tiga aspek iaitu keupayaan kuasa tembakan, keupayaan mengatur gerak dan ketinggian moral. Justeru Ramadan ini merupakan solusi terbaik bagi membantu meningkatkan ketinggian moral dalam kalangan warga ATM dalam mendepani cabaran dunia masa kini.

Kesempatan bulan Ramadan ini marilah kita merapatkan saf bertekad untuk memperbaiki amalan dan persiapan diri untuk mencari keredhaan Allah SWT disamping terus bersemangat tinggi serta komited dengan tugas primer mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.